



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BERKASIH SAYANG KERANA ALLAH”

10 Februari 2023 / 19 Rejab 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِلِ

﴿ إِنَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾ ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah Yang Maha Pemurah pasti akan menanamkan dalam (hati) mereka rasa kasih sayang orang ramai terhadap mereka.
(Surah Maryam ayat 96)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; sentiasa membersihkan jiwa dari segala dosa, serta menghindarkan diri daripada sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dikembalikan di hadapan Allah SWT dalam keadaan jiwa yang tenang dan sejahtera. Mimbar hari ini akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“BERKASIH SAYANG KERANA ALLAH”

Islam ialah agama yang berteraskan kasih sayang. Menurut Imam Hasan al-Banna dalam *Risalah Ta'lim*, kasih sayang ialah hati dan roh yang terikat dengan ikatan akidah Islam. Oleh itu Islam menuntut agar umatnya menyemarakkan kasih sayang, kerana Allah SWT sentiasa melimpahkan kepada makhluk Nya segala kasih sayang

¹ Pujian kepada Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



dengan mengurniakan pelbagai nikmat dalam kehidupan di dunia ini. Bahkan kasih sayang Allah kepada hamba Nya mengatasi kemurkaan Nya.

Berdasarkan ayat 96, Surah Maryam yang dibacakan pada awal khutbah tadi, kasih sayang yang dituntut oleh Islam berpaksikan keimanan kepada Allah dan Rukun Iman, serta dibuktikan melalui amal soleh; bermakna, kasih sayang kepada makhluk perlu disandarkan kepada kasih sayang Allah SWT dan bukan mengikut nafsu syahwat.

Sifat kasih sayang ialah fitrah semula jadi yang Allah SWT kurniakan dalam naluri insan. Naluri berkasih sayang ini diterjemahkan dalam berbagai-bagai ruang kehidupan manusia. Umpamanya dalam hubungan kekeluargaan, suami isteri yang saling berkasih sayang pastinya akan mewujudkan keharmonian dalam rumah tangga. Adik beradik yang saling berkasih sayang menyuburkan keluarga bahagia, manakala berkasih sayang antara saudara mara merapatkan lagi ukhuwah kekeluargaan. Begitu juga dalam hubungan kemasyarakatan, kasih sayang sesama jiran dan sahabat handai pastinya menyemai sifat saling menghormati dan saling membantu antara satu sama lain.

Oleh sebab itu, Rasulullah SAW menganjurkan kita sentiasa memberi ucapan salam kepada Muslim yang lain sebagai tanda kasih sayang; begitu juga memberi hadiah atau buah tangan sebagai tanda kasih seseorang kepada saudaranya. Pastinya melalui amalan seperti ini, akan mengeratkan lagi hubungan dan mengukuhkan rasa kepercayaan kepada saudaranya. Bahkan nilai berkasih sayang sesama manusia ini diikat serta diperkuatkan lagi dengan hadis Nabi SAW:

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ

Bermaksud : “Barang siapa yang tidak menyayangi, tidak akan disayangi”

(Hadis Riwayat Bukhari)

Sesungguhnya naluri kasih sayang merupakan satu nikmat besar yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia. Melalui naluri kasih sayang inilah, lahirnya rasa keinsanan dan kemanusiaan, timbulnya rasa keadilan dan keihsanan, munculnya rasa belas dan rasa kasihan yang mendorong manusia untuk membantu, menolong dan meringankan penderitaan yang dialami oleh manusia lain. Tanpa naluri kasih sayang, manusia akan bersifat mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan kesusahan orang lain.



Begitu juga apabila hilangnya nilai kasih sayang, akan berakhirlah kebahagiaan rumah tangga, akan retak hubungan kekeluargaan, dan akan lenyap keharmonian hubungan anggota masyarakat.

Sesungguhnya begitu besar nikmat, apabila kita saling berkasih sayang kerana Baginda SAW menyebutkan dalam hadis Baginda bahawa salah seorang yang dinaungi rahmat Allah pada hari kiamat, ialah mereka yang saling berkasih sayang, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebagai agama yang sempurna, kasih sayang diatur berpandukan syariat dan batas-batas Islam. Walaupun berkasih sayang ini merupakan satu tuntutan Islam kepada hamba Nya, serta memiliki makna yang luas, namun kasih sayang hendaklah berpaksikan keredaan Allah SWT. Kita hendaklah meletakkan keimanan sebagai asasnya, agar tidak melewati batas-batas ajaran Islam. Sebagai contoh, kasih sayang antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim, hendaklah dijalinkan berlandaskan hukum syarak, iaitu melalui pernikahan yang sah. Jika hubungan kasih sayang tidak berlandaskan hukum syarak, dikhuatiri akan mengundang perbuatan yang dilarang oleh Allah, bermula dengan pergaulan bebas yang boleh mendorong kepada berlakunya zina, yang mengundang kemurkaan Ilahi.

Apabila kita berjaya mewujudkan hubungan kasih sayang sesama insan berasaskan nilai-nilai murni Islam, insyallah hubungan tersebut akan diterima sebagai salah satu amal ketakwaan kita kepada Allah SWT. Agar mendapat rasa kasih sayang sebenar yang selaras dengan ajaran Islam, kita perlu terlebih dahulu berikhtiar untuk mendapatkan kasih sayang dan cinta Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT amat kasih dan sayang akan hamba Nya yang sentiasa berusaha memperbaiki amalannya sebagaimana Firman Nya:

... وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٣﴾

Bermaksud :Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

(Surah Al-Maidah ayat 93)

Insyallah mereka yang mendapat rahmat limpahan kasih sayang Ilahi, akan terlindung daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Nya.



Begitulah indahnya berkasih sayang dalam Islam dan sesungguhnya tiada hari tanpa kasih sayang dalam kehidupan orang beriman.

Para Tetamu Allah yang dimuliakan,

Kesimpulannya, mimbar menyenaraikan beberapa peringatan:

Pertama: Islam ialah agama yang berteraskan nilai kasih sayang yang perlu dipupuk dan disuburkan dalam masyarakat.

Kedua: Kasih sayang yang sebenar ialah berteraskan keredaan Allah SWT merangkumi seluruh hubungan sesama makhluk.

Ketiga: Tiada nilai kasih sayang di sisi Allah SWT sekiranya ia tidak berlandaskan syariat Islam.

Keempat: Kasih sayang berlandaskan syariat Islam memupuk sifat ihsan sesama manusia.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Bimbinglah kami agar saling berkasih sayang kerana Mu Ya Allah dan melaksanakannya mengikut keredaan Mu. Hindarilah kami daripada bisikan syaitan lalu dipengaruhi nafsu, terlanjur melakukan dosa dan maksiat atas alasan sifat berkasih sayang.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.